

Diterima Mesyuarat AMAF ke-39 28/9/2017

10 Fasa Dalam Membangunkan Program Insurans Tanaman Nasional: Panduan

**Translated from the 10 Phases in Developing a National
Crop Insurance Program: Guide Overview and Farmer-
Level Demand for Insurance Survey**

Disclaimer: This is an unofficial translation and provided for reference only.

10 Phases in Developing a National Crop Insurance Program: Guide Overview and Farmer-Level Demand for Insurance Survey, 2016.

To find the original version of the guideline please visit the ASEAN Secretariat website, <https://asean.org/> or download at <https://asean-crn.org/relevant-asean-guidelines-on-land-use/>.

The translation has been produced with the support of the Climate Smart Land Use in ASEAN (CSLU) project, funded by the German Ministry for Economic Cooperation and Development and implemented by the Deutsche Gesellschaft für Internationale Zusammenarbeit (GIZ).



Diterima Mesyuarat AMAF ke-39 28/9/2017

10 Fasa Dalam Membangunkan Program Insurans Tanaman Nasional: Panduan

*Ini adalah panduan yang memberi gambaran keseluruhan dengan langkah-langkah yang harus dipertimbangkan oleh negara-negara prospektif sebelum melancarkan program insurans tanaman nasional, atau untuk meninjau semula dan memperbaiki program yang sedang dilaksanakan. **Panduan 10 fasa ini telah disediakan untuk persidangan "ASEAN Climate Resilience Network (ASEAN-CRN)" sebagai acara pertukaran ilmu pengetahuan mengenai Polisi Berkesan bagi Mempromosikan Insurans Iklim Tanaman untuk Meningkatkan Daya Ketahanan di ASEAN**, yang telah diadakan pada 16-18 Ogos 2016 di Bandar Ho Chi Minh, Vietnam.*

Panduan ini telah dihasilkan dengan sokongan dari Projek G4INDO, yang dibiayai oleh National Space Organization of the Netherlands. Pn. Laura Johnson Blair adalah perunding bebas yang mengarang terbitan utama ini. En. Emilio Hernandez dari Food and Agriculture Organization (FAO), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan En. Chee Koon Ong dari SwissRe Singapura turut menyumbang kepada penyediaan panduan ini.

Acara pertukaran ilmu pengetahuan bagi insurans iklim pertanian/ tanaman bagi ASEAN-CRN ini telah dianjurkan oleh Deutsche Gesellschaft für Internationale Zusammenarbeit (GIZ) GmbH melalui projek Forestry and Climate Change (FOR-CC) bagi Program ASEAN-German Programme on Response to Climate Change (GAP-CC) dan dibiayai oleh German Federal Ministry for Economic Cooperation and Development. ASEAN-CRN dibentuk untuk memastikan negara-negara Anggota ASEAN (AMS) berada di kedudukan yang lebih baik untuk menyesuaikan sektor pertanian mereka dengan perubahan iklim dan meningkatkan potensi mengambil tindakan mitigasi.

Fasa 1. Penilaian Awal Pelbagai Pihak Berkepentingan mengenai Keperluan untuk memiliki Insurans Tanaman

- a. Perbincangan awal dengan jabatan-jabatan kerajaan yang berminat dengan insurans tanaman bagi mengenal pasti keperluan untuk menyertai program ini. Perbincangan ini mungkin merangkumi tindakan mitagasi yang sedia ada bagi menangani risiko iklim dan strategi daya ketahanan (resilience) oleh kerajaan, tekanan iklim yang sentiasa berubah dan kesannya terhadap tanaman negara, dan/atau keperluan untuk menggunakan perkhidmatan pengurusan risiko yang formal untuk merendahkan risiko pinjaman bagi petani/ peladang luar bandar.
- b. Penglibatan wakil dari sektor swasta digalakkan dalam fasa permulaan, terutamanya pihak yang akan terkesan atau mendapat manfaat secara langsung daripada program insurans. Kerap kali, wakil dari sektor swasta akan memberikan perspektif yang berbeza, yang akan menjadikan program ini lebih responsif terhadap keperluan mereka, mampu dilaksanakan dan mencapai impak yang diharapkan. Tambahan lagi, input dari pihak berkepentingan di sektor swasta dalam fasa ini sangat berguna untuk menetapkan parameter untuk kajian kebolehlaksanaan.
- c. Mengenal pasti matlamat menyeluruh untuk mempromosikan insurans tanaman dan memperkenalkan kaedah-kaedah pengurangan risiko rasmi, bagi memindahkan risiko ke arah industri insurans awam atau swasta. Produk-produk insurans ini dapat memberikan perlindungan tambahan, sebagai tambahan kepada usaha kerajaan dalam menangani kesan perubahan iklim semasa, membolehkan akses kepada fasiliti kredit bagi petani/peladang dari luar bandar, dan digabungkan dengan subsidi input, dll.
- d. Setelah mengenal pasti gambaran keseluruhan, bentuk Kumpulan Kerja dengan pelbagai pihak berkepentingan. Kumpulan Kerja ini boleh diwakili oleh ahli-ahli dari Kementerian Kewangan, Kementerian Pertanian, pegawai selia insurans, syarikat insurans, jabatan meteorologi negara, penasihat-penasihat teknikal, wakil dari organisasi petani/peladang, wakil-wakil lain yang berkaitan dan rakan-rakan pembangunan (jika ada).
- e. Dapatkan pembiayaan untuk kajian kebolehlaksanaan dan pengembangan program - secara ideal dari sumber biayaan kerajaan seperti dari Kementerian Kewangan atau Kementerian Pertanian, atau jika diperlukan, dari rakan-rakan pembangunan. Penasihat teknikal luaran boleh dilantik untuk mengawasi dan memberikan latihan pembangunan kapasiti di sepanjang fasa awal, untuk kajian kebolehlaksanaan, pengembangan produk, penentuan proses dan perintis yang sesuai.
- f. Sediakan struktur laporan dan garis masa untuk Kumpulan Kerja (panduan ini berpotensi untuk membantu proses ini).

Fasa 2. Kajian Kebolehlaksanaan dan Penilaian Risiko Petani/ Peladang

Kajian kebolehlaksanaan merupakan langkah kritikal dalam pengembangan, penyelidikan dan penetapan parameter-parameter utama sebagai asas pembentukan program ini. Pelaksanaan proses pengumpulan data di peringkat kebangsaan dan tinjauan maklumat di peringkat petani/ peladang boleh dilakukan oleh kumpulan petugas khas yang dilantik oleh Kumpulan Kerja Nasional. Perunding teknikal luar boleh memberikan khidmat nasihat dan membantu proses analisa. Disyorkan, pasukan tempatan/ nasional yang akan terlibat sepanjang pembangunan 10 fasa program ini dilatih oleh pakar luar yang juga terlibat dalam proses peningkatan kapasiti pasukan kebangsaan. Peningkatan kapasiti dan kebolehan menyelesaikan masalah amat penting untuk meneruskan program seperti ini untuk jangka masa yang panjang.

Kebangsaan/Nasional

- i. Sektor Pertanian/Perladangan - cth. rantaian nilai tanaman dan ternakan utama, risiko berkaitan tanaman dan ternakan
- ii. Sektor Insurans - cth. rangka kerja regulasi/peraturan, insurans tanaman semasa dan produk pengurangan/mitigasi risiko yang sedia ada
- iii. Sektor Kewangan - cth. penglibatan kerajaan dalam pinjaman pertanian/ peladangan dan luar bandar; termasuk institusi kewangan swasta yang menawarkan pinjaman kepada petani/peladang (boleh juga merangkumi sektor tidak rasmi)
- iv. Telefon Mudah Alih (Bimbit) - cth. pengendali rangkaian mudah alih utama dengan liputan telekomunikasi di luar bandar
- v. Data Indeks - cth. siri garis masa sejarah dengan data cuaca, jumlah hasil tanaman dan harga
- vi. Kajian sedia ada yang menilai cabaran yang dihadapi oleh program insurans tanaman semasa

b. Tinjauan di Peringkat Petani/ Peladang - dijalankan di setiap negeri yang berpotensi untuk diperkenalkan dengan insurans tanaman pada peringkat awal dalam proses pembangunan. Sebaik-baiknya, membentuk pasukan yang ditugaskan oleh Kumpulan Kerja yang bekerja dengan wakil tempatan yang berkenaan (untuk koordinasi dan soalan tinjauan) dan mendapatkan kebenaran untuk bertemu/menemuramah/membuat tinjauan dengan wakil-wakil dari kumpulan petani/ peladang di setiap negeri/daerah yang terpilih. Sebelum melakukan tinjauan di peringkat petani/peladang, tekanan perlu diberikan kepada pengembangan soal selidik dan memberi latihan kepada petugas-petugas yang akan melakukan tinjauan. Topik-topik di bawah harus dibincangkan semasa membuat tinjauan ini. Dalam keadaan tinjauan sebenar, soalan-soalan tersebut boleh diubah sedikit dan contoh-contoh yang berkaitan boleh diberikan mengikut keadaan. Adalah penting bagi petugas yang menjalankan tinjauan untuk

menggunakan pendekatan secara perbincangan, dan mengajukan soalan tambahan bagi memastikan situasi sebenar yang dihadapi oleh petani/peladang, bukan sekadar mengajukan soalan-soalan yang telah direncanakan. Tinjauan ini akan memberi informasi tambahan kepada maklumat kuantitatif, kerana pengetahuan kualitatif juga penting untuk membina asas program ini.

- i. **Operasi isi rumah dan perusahaan petani/ peladang** – maklumat usia, komposisi isi rumah, kawasan yang diusahakan, hakmilik/sewa/perkongsi, keluasan tanah, musim bertani, pilihan jenis tanaman, jumlah hasil tuaian semasa berbanding dengan hasil yang dijangkakan, perubahan harga, pembiayaan/akses kepada fasiliti kredit untuk input dan tenaga kerja, pasaran untuk tanaman dan orang tengah, penggunaan input dan pilihan jenama, dan pembekal input.
- ii. **Profil risiko dan pengurusan** – mengenal pasti sebab utama pengurangan hasil tanaman/ ladang/ kegagalan jenis tanaman (kemungkinan: kemarau, ribut, hujan tidak menentu, makhluk perosak, harga tidak menentu (naik/turun), kurang permintaan dari pasaran, dan lain-lain), peratus kerugian dari hasil tanaman (jika ada) yang dialami dari musim lalu /tahun-tahun kebelakangan, perubahan dalam punca yang menyebabkan pengeluaran hasil yang sub--optimum, kaedah pengurusan setiap risiko yang dihadapi, strategi untuk mengatasi pengurangan hasil pertanian/ kesan pada musim tanaman berikutnya.
- iii. **Kos Pengeluaran** - keluasan tanah yang digunakan untuk tanaman utama x; jumlah yang dibelanjakan pada musim lalu untuk membeli benih, baja, penyediaan tanah, pekerja, bahan kimia, merumput, menuai, melerai, membungkus, pengangkutan, kos lain; dan sumber dana.
- iv. **Potensi mendapat perlindungan dari insurans kerajaan** - risiko yang paling penting yang perlu dilindungi, cara pampasan akan digunakan jika tiada hasil tanaman, jika pelaburan di kawasan tani/ladang telah dilindungi – apa yang akan dilakukan berbeza dengan input/kredit/dll., cadangan cara terbaik untuk mengakses insurans/perkhidmatan atau program yang biasa digunakan oleh kebanyakan petani/peladang.
- v. **Penggunaan Telefon Mudah Alih (Bimbit)** - kekerapan menggunakan khidmat SMS, melayari internet, akses/penggunaan wang melalui kemudahan mudah alih, rangkaian telekomunikasi pilihan/ mempunyai liputan terbaik.
- vi. **Pandangan dan pengalaman dengan insurans** - produk insurans semasa/lalu, pernah mendengar produk insurans yang dipasarkan sebelum ini, jenis insurans (cth. kesihatan, hayat, tanaman), minat untuk membeli produk insurans, kebimbangan tentang produk insurans, syarikat/jenama insurans yang lebih diutamakan.
- vii. **Akses kepada Kredit** - adakah petani/peladang pada masa ini akan mengambil sebarang pinjaman, adakah terdapat fasiliti untuk penyimpanan sebagai kumpulan desa, adakah petani/peladang mempunyai akaun bank, adakah terdapat bank yang menawarkan pinjaman kepada petani/peladang

untuk kos membiayai kos pertanian dan apakah syarat-syarat ditetapkan untuk mendapat pinjaman ini, adakah sebarang prasyarat untuk mendapatkan pinjaman formal/ rasmi, ialah?, adakah kerajaan menawarkan pinjaman untuk sektor pertanian/peladangan, adakah petani/peladang mendapat kredit daripada pemborong atau peniaga agro tempatan, apakah faedah pinjaman yang ditetapkan oleh mereka, apakah yang berlaku jika petani/peladang gagal membayar balik pinjaman, adakah petani/peladang ingin lebih banyak akses untuk mendapatkan pinjaman, adakah petani/peladang memerlukan pinjaman untuk melabur di ladang atau tujuan lain, apakah langkah-langkah yang akan petani/peladang ubah jika boleh mendapat pinjaman.

- viii. **Organisasi Petani/Peladang** - penglibatan dalam organisasi oleh petani/peladang tempatan, pertubuhan lain berdasarkan negeri/daerah, cara organisasi berfungsi - sama ada keahlian secara sukarela atau diwajibkan, saiz, faedah keahlian (akses kepada program atau input, dll.).
- ix. **Program-program Kerajaan** - program semasa yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk petani/peladang tempatan, manfaat dari pelaksanaan kepada petani/peladang, syarat untuk mendapatkan manfaat tersebut, pandangan mengenai kualiti pelaksanaan.
- c. **Analisis data yang dikumpulkan dari tinjauan di peringkat petani dan nasional** untuk mengenal pasti risiko utama yang perlu dilindungi, produk yang sesuai untuk diberikan berdasarkan data dan profil risiko, saluran penghubungan yang diperlukan untuk berkomunikasi dengan petani/peladang, keperluan untuk memberi subsidi dan posisi terbaik dalam kerajaan.

Fasa 3. Kerjasama Insurans dan Rangka Kerja Regulasi/Peraturan

- a. Kaji semula, jika ada, regulasi/peraturan negara mengenai rangka kerja bagi pertanian – atau yang serupa – produk insurans dan instrumen kewangan yang sedia ada untuk membantu petani/peladang skala kecil. Indeks produk insurans mungkin disenaraikan dalam rangka kerja regulasi/peraturan kewangan negara.
- b. Reka satu rangka kerja institusi untuk menawarkan dan mengedarkan insurans tanaman. Rangka kerja ini harus merangkumi pemahaman bahawa tawaran insurans akan dilakukan sama ada melalui satu syarikat insurans atau sekelompok syarikat insurans; yang akan menginsuranskan semula risiko (di peringkat tempatan, antarabangsa atau kedua-duanya); dan peranan langsung kerajaan dalam menaja jaminan (underwriting)/peraturan/pengawasan insurans tersebut. Seni bina bagi pembentukan institusi ini perlu disediakan awal dan boleh disokong oleh pakar runding antarabangsa, yang membawa pengalaman dari rantau lain.

- c. Libatkan pengawal selia insurans dan pihak berkepentingan insurans swasta dalam Kumpulan Kerja untuk membincangkan sebarang penambahan atau perubahan pada rangka kerja regulasi/peraturan untuk membolehkan insurans pertanian diperkenalkan, sebaiknya membawa masuk penasihat teknikal untuk rangka peraturan baru ini. Berikan peluang untuk syarikat tempatan dan antarabangsa, termasuk perantara insurans mendapatkan lesen sewajarnya. Pihak berkepentingan sektor swasta boleh terlibat secara langsung dalam proses ini untuk memastikan pengawal selia insurans pertanian mempunyai rangka kerja yang sesuai untuk pembangunan jangka panjang yang lestari bagi sektor ini.
- d. Kaji perkhidmatan penaja jaminan (underwriting) tempatan yang sedia ada, terlibat atau berminat dengan insurans pertanian, fahami produk di pasaran semasa dan mengenalpasti rakan insurans tempatan yang terbaik - kemungkinan syarikat insurans milik kerajaan.
- e. Nilai syarikat insurans semula (reinsurance companies) yang berpotensi sama ada berkemampuan untuk menginsuranskan semula produk kerajaan, kemahiran teknikal dalam perangkaan/penentuan harga produk dan menilai minat jangka panjang dalam mengembangkan pasaran insurans pertanian dalam negara.
- f. Bincang dengan penderma atau rakan-rakan pembangunan antarabangsa yang berpotensi untuk penglibatan teknikal mereka dalam proses reka bentuk dan pelancaran program insurans tanaman, dan potensi pembiayaan program tersebut. Ini adalah langkah yang berterusan, dan hubungan bekerjasama sebaiknya telah dijalin dari fasa 1.
- g. Pastikan ketelusan dan keupayaan untuk mengaudit jabatan kerajaan dan kesemua ahli/syarikat implementasi utama.

Fasa 4. Pembentukan Dasar Negara dan Subsidi

- a. Tentukan peranan kerajaan dalam program insurans, termasuk kementerian yang akan menjadi pelaksana utama (memuktamadkan struktur yang telah dibentuk dalam fasa 1), jabatan mana yang akan terlibat secara langsung; serta sumber (kakitangan dan peralatan) yang diperlukan.
- b. Penilaian tahap perlindungan insurans - atau pelbagai tahap - dari mikro (petani yang diinsuranskan secara individu), meso (untuk organisasi, syarikat, program daerah) atau makro (perlindungan keseluruhan negara atau serantau). Bagaimana insurans ini merupakan sebahagian daripada strategi kerajaan yang lebih besar untuk mengurangkan risiko perubahan iklim.
- c. Bincangkan keperluan dan potensi untuk memberi subsidi premium, bagaimana kos ini akan dibayar dan adakah ini strategi jangka panjang - adakah subsidi ini akan dikurangkan selepas suatu tempoh.
- d. Wajib atau sukarela - bolehkah petani/peladang memilih untuk mengambil atau keluar dari perlindungan; atau adakah ia diwajibkan kepada kesemua petani atau kesemua petani yang mengakses perkhidmatan kerajaan tertentu (disokong melalui pilihan rangkaian saluran).

- e. Draf rangka kerja polisi nasional yang baru untuk program insurans, termasuk sumber dana. Kepakaran teknikal luaran dari rakan-rakan pembangunan mungkin berguna pada masa ini, juga untuk pemahaman dari rangka kerja yang serupa di negara-negara yang setaraf.
- f. Bentuk anggaran/bajet indikatif untuk perintis dan bagi tahun pertama implementasi, dan jika terdapat subsidi, tempoh masa yang lebih lama diberikan untuk memastikan ketersediaan sumber kewangan untuk sekurang-kurangnya untuk 5 tahun.

Fasa 5. Pembentukan, Pengedaran dan Harga Produk

- a. Berdasarkan kajian kebolehlaksanaan dan perbincangan dengan rakan insurans tempatan, tentukan tanaman sasaran yang akan diinsuranskan dalam perintis dan pada tahun pertama, risiko yang akan dilindungi, jenis produk (pampasan/ ganti-rugi, indeks) dan sumber data untuk produk-produk tersebut.
 - i. *Reka bentuk produk teknikal* - ganti rugi, indeks atau gabungan (mesti memahami kelebihan, kekurangan dan kebolehlaksanaan setiap satu). Memastikan syarikat insurans/penanggung insurans semula dan/atau kerajaan memiliki kepakaran untuk mendapatkan sumber data, mengembangkan model indeks, menetapkan harga produk.
- b. Pengumpulan data (siri sejarah selama 10-30 tahun) untuk pengembangan produk dan harga - nisbah kehilangan dalam sejarah berdasarkan risiko yang mungkin perlu dilindungi, data cuaca/hasil untuk produk indeks. Untuk produk indeks cuaca, libatkan jabatan meteorologi dan jabatan statistik nasional dalam Kumpulan Kerja untuk memastikan kelancaran akses kepada data.
- c. Tentukan petani/peladang yang boleh mengakses produk tersebut, dan jika ada subset yang boleh mengakses subsidi dari produk tersebut.
- d. Berdasarkan perincian produk, tetapkan harga produk untuk negara di peringkat daerah atau unit pentadbiran tempatan. Premium sebenarnya adalah berdasarkan pengiraan aktuari dengan data sejarah prestasi tanaman. Berikan pilihan berlainan untuk perlindungan tradisional dan perlindungan bencana, dengan memperincikan sejarah kekerapan pembayaran dibuat di kawasan yang dipilih, supaya pegawai kerajaan yang membuat keputusan boleh memahami kekerapan setiap produk perlu membuat bayaran. Berkemungkinan khidmat kepakaran antarabangsa (sektor awam dan swasta) diperlukan untuk membina kapasiti bagi syarikat insurans tempatan, dengan harga akhir ditentukan di peringkat penginsuran semula (reinsurer).
- e. Sekiranya terdapat subsidi, jelaskan kesan/ impak ke atas jumlah yang harus dibayar sendiri oleh petani/ peladang atau melalui produk gabungan.
- f. Siasat dan tentukan saluran pengedaran yang optimum untuk insurans - mungkin boleh dikaitkan dengan kredit/ pinjaman pertanian atau produk insurans lain? Digabungkan dengan program subsidi input semasa yang sedang diberi oleh kerajaan, melalui pertubuhan petani/ peladang yang sedia ada, dan sebagainya.

- g. Kaji cara untuk memanfaatkan keupayaan rangkaian telekomunikasi dan wang mudah alih semasa untuk pendaftaran bagi petani/peladang, pembayaran premium, pembayaran pampasan, pemasaran dan kemaskini bermusim.
- h. Jalankan analisa kos-faedah dari perspektif petani/ peladang bagi mempertimbangkan impak insurans/ bantuan kerajaan lain bagi scenario pada musim dengan hasil tani yang baik, hasil tani pada kerugian 50% dan pada musim bencana dengan kehilangan hasil tani 90% (atau tahap kerugian yang dianggap sebagai bencana di peringkat kebangsaan). Tahap potensi kerugian ini boleh ditentukan melalui latihan empirik di peringkat kebangsaan dan melalui rundingan dengan syarikat insurans tempatan mengenai pilihan risiko mereka. Dalam analisis, kira berdasarkan hasil tuaian yang sebenar/diharapkan, kos premium insurans di peringkat petani (tanpa subsidi kerajaan), dan bantuan kerajaan lain.

Fasa 6. Tanggungjawab Pihak Berkepentingan dan Pembentukan Proses

- a. Pembahagian jelas peranan dan tanggungjawab setiap rakan ahli, akauntabiliti, penyelarasan insentif untuk berjaya. Penetapan kerangka kerja pengurusan projek yang jelas (dibincangkan dalam fasa terdahulu) adalah sangat penting.
- b. Kembangkan draf SOP, libatkan kesemua pihak berkepentingan dalam pengembangan bagi setiap satu, untuk:
 - i. Pemasaran
 - ii. Pengedaran
 - iii. Pendaftaran pelanggan (salinan cetak atau digital)
 - iv. Kutipan premium
 - v. Pengumpulan data untuk menilai kerugian
 - vi. Penilaian kerugian di peringkat lapangan (untuk ganti-rugi) atau melalui data indeks
 - vii. Pemberian pampasan kepada petani yang mengalami kerugian
 - viii. Maklum balas dari lapangan mengenai risiko asas (untuk produk indeks)
- c. Kembangkan strategi pelancaran yang boleh dilaksanakan sebagai latihan/sosialisasi untuk petani/peladang, bermula di perintis dan kemudian dikembangkan. Masukkan sebagai rancangan aktiviti perbelanjaan dalam belanjawan yang diperbaiki (dihaluskan dari fasa sebelum ini).
- d. Kembangkan semua dokumen yang diperlukan untuk menyokong SOP, seperti dokumen polisi petani.

Fasa 7. Latihan Pelaksanaan di Lapangan dan Sosialisasi Petani/Peladang

- a. Penyediaan manual latihan dan melatih kakitangan lapangan yang akan menjalankan latihan dan jualan kepada petani/peladang.
- b. Pengembangan bahan-bahan sosialisasi, komunikasi, pemasaran dan latihan untuk petani/peladang.
- c. Tetapkan hierarki latihan dan rantai perintah/kuasa dari peringkat kebangsaan hingga ke desa untuk menjamin proses komunikasi dan kemampuan untuk mengarah terus pegawai di peringkat desa.
- d. Laksanakan latihan dan latihan susulan di peringkat kumpulan petani (atau ditentukan oleh saluran pengedaran insurans yang dipilih). Catat perincian mengenai petani/kumpulan yang dilatih, lengkap dengan nombor telefon untuk kawalan kualiti).
- e. Sediakan kaedah pengesahan kualiti bagi latihan yang dijalankan dan tinjau dengan petani/peladang terpilih untuk menguji pemahaman bahan latihan yang diberikan (tinjauan boleh dijalankan melalui telefon).

Fasa 8. Perintis/Bukti Konsep dan Penambahbaikan Pelancaran

- a. Jika boleh, adakan sesi raptai untuk elemen teknikal produk, terutamanya dengan produk indeks, untuk memastikan tumpuan adalah pada risiko yang paling penting/utama dan ditekankan pada masa yang betul.
- b. Laksanakan proses yang dikembangkan melalui saluran pengedaran yang telah dipilih, termasuk: pendaftaran petani, kutipan/pemindahan premium ke syarikat insurans tempatan, penghantaran dokumen polisi, penilaian tuntutan/kerugian, pemindahan untuk pampasan.
- c. Sekiranya terdapat subsidi, laporkan petani yang diinsuranskan/perincian lain kepada entiti yang membayar subsidi untuk pemindahan subsidi kepada syarikat insurans tempatan.
- d. Uji keberkesanan teknologi baru seperti telefon bimbit untuk proses pendaftaran, kutipan premium atau pembayaran pampasan.

Fasa 9. Semakan Pendekatan, Produk dan Koordinasi Rakan Kongsi

- a. Lakukan pemantauan dan penilaian di perintis untuk mengenal pasti cabaran/kelemahan dalam kesemua langkah implementasi/pelaksanaan, koordinasi rakan kongsi, dan prestasi teknikal produk.
- b. Temuramah petani, kerajaan tempatan dan pegawai implementasi untuk memahami kesulitan dan kumpulkan reaksi/maklum balas mengenai elemen program untuk penambahbaikan.
- c. Bentang dan berbincang dengan Kumpulan Kerja Nasional untuk membuat perubahan dan penambahbaikan bagi program perintis sebelum membuat pelancaran penuh. Sebaiknya adakan keboleh-lenturan bagi bidang tertentu dalam rangka kerja untuk jenis produk, risiko, atau strategi pelaksanaan untuk membolehkan improvasi/peningkatan dalam program.
- d. Perincikan dalam laporan kepada Kumpulan Kerja mengenai penambahbaikan program yang dibuat untuk disebarkan kepada semua pihak yang berkepentingan, termasuk pengajaran utama (key lessons) dan bagaimana program kerajaan bertindak ke atas pengetahuan ini.

Fasa 10. Pelancaran Program Penuh dan Pengembangan

- a. Laksanakan strategi program dan SOP yang telah disemak semula dengan pihak berkepentingan.
- b. Teruskan pemantauan dan penilaian dengan pihak berkepentingan, petani sasaran, dan perantara kerajaan lain untuk penambahbaikan produk yang berterusan.
- c. Jalankan audit tahunan bagi semua rakan-rakan utama dan proses.
- d. Kembangkan dan halusi strategi jangka panjang untuk insurans dan subsidi yang berpotensi untuk memastikan matlamat teras pelaksanaan insurans tercapai.

Tinjauan Permintaan Insurans di Peringkat Petani/Peladang

1. Rasional

Matlamat tinjauan petani adalah untuk lebih memahami kehendak dan keperluan produk insurans pertanian bagi petani yang disasarkan. Tinjauan ini akan dilakukan dalam Fasa 2 - Kajian Keberkesanan dan Penilaian Risiko Petani - dari *10 Fasa Dalam Membangunkan Program Insurans Tanaman Nasional: Panduan Gambaran Keseluruhan* yang dikembangkan untuk persidangan ASEAN-CRN. Fasa Kajian Kebolehlaksanaan merupakan langkah kritikal dalam pengembangan program untuk mengkaji dan menetapkan parameter utama untuk membentuk dasar program. Melalui analisis menggunakan data yang telah dikumpulkan di peringkat petani dan nasional pada Tahap 2, kenal pasti risiko utama yang harus dilindungi, produk apa yang boleh dilaksanakan berdasarkan data dan profil risiko yang tersedia, saluran pengedaran berpotensi, cara mendekati petani/peladang, keperluan untuk memberi subsidi, dan komposisi kumpulan insurans tanaman nasional yang optimum.

Tinjauan serupa telah dilakukan pada bulan Mac 2015 di kawasan projek G4INDO di Jawa Timur. Oleh kerana tujuan G4INDO adalah untuk menyokong Kerajaan Indonesia dan Kementerian Pertanian dalam menjayakan program insurans pertanian mereka, adalah penting bagi pasukan G4INDO untuk mempunyai pengetahuan yang jelas dan tepat tentang cabaran/risiko semasa yang dihadapi oleh petani supaya produk yang sesuai dapat dikembangkan dan diedarkan. Berdasarkan tinjauan ini, ia tidak memerlukan nilai statistik yang sah atau pendekatan yang saintifik. Matlamatnya adalah untuk belajar dari subset kumpulan petani/peladang mengenai pengalaman dan keperluan mereka.

2. Tinjauan

Petani yang akan ditemuramah tidak semestinya pernah terlibat dengan program insurans tanaman. Sebolehnya penemuramah juga dapat melihat kawasan tani/ladang untuk memahami keterangan yang diberi oleh petani /peladang dengan lebih baik, walaupun ia sukar dilaksanakan di sesetengah tempat.

Perbincangan harus bertumpu kepada memahami situasi petani/peladang, profil risiko, akses kepada khidmat kredit, penggunaan teknologi telefon mudah alih (bimbit) dan perincian lain yang penting dalam membentuk program insurans tanaman nasional yang berkesan. Pendekatan tinjauan adalah perbincangan tidak formal yang merangkumi beberapa bidang, bukannya soalan yang wajib dijawab dengan tepat. Perbincangan ini sepatutnya bersifat interaktif, dengan perbincangan terbuka di antara kedua-dua pihak. Pendekatan ini berkesan dalam membolehkan aliran perbincangan yang lebih alami, dengan memberi peluang kepada petani/peladang untuk menjelaskan pandangan mereka.

3. Soalan Kajian

1. Pengenalan
 - a. Pengenalan ringkas penemuramah
 - b. Terangkan tujuan perbincangan
 - c. Tanya petani/peladang sama ada dia setuju untuk menjawab soalan

2. Perincian mengenai isi rumah petani/peladang dan operasi pertaniannya
 - a. Bilangan ahli keluarga dan komposisi isi rumah
 - b. Keluasan kawasan tani/ladang yang diusahakan dan bilangan tapak
 - c. Sama ada petani/peladang bekerja sepenuh masa atau juga terlibat dalam aktiviti pendapatan lain, nyatakan aktiviti
 - d. Adakah dia pemilik, penyewa, atau ahli dalam kumpulan perkongsian
 - e. Penanaman mengikut musim (bila), jenis tanaman yang ditanam pada musim hujan dan musim kering
 - f. Purata hasil tani/ladang yang diperolehi dalam tahun-tahun kebelakangan (setiap tuaian) yang dianggap "hasil yang baik/optimum"
 - g. Tuaian musim sebelumnya, dengan tumpuan kepada padi: jika hasilnya tidak optimum, mengapa?
 - h. Bagaimana petani/peladang membiayai kos penanaman: sama ada membayar kesemua kos perbelanjaan dengan wang sendiri, pinjaman, melakukan kesemua kerja tani/ladang bersama ahli keluarga, dll.
 - i. Apakah input (bahan asas) yang perlu dibeli? Benih, Baja, Racun Perosak, lain-lain
 - j. Kesetiaan jenama pada input, adakah petani/peladang membeli jenama yang sama setiap musim? Siapa pembekal mereka?
 - k. Siapa yang membeli hasil tanaman, apakah harga akan berubah-ubah, adakah harga ditentukan oleh kerajaan?
 - l. Adakah pemborong datang ke kawasan petani/peladang untuk membuat tinjauan bagi pengumpulan data hasil tanaman atau pemetongan hasil tanaman?

3. Pecahan Kos Pengeluaran

- a. Isi jadual di bawah berkaitan kos pengeluaran.
- b. Punca sumber kewangan yang diperlukan untuk membeli input dan mengupah pekerja?

Tanaman		
Keluasan Kawasan Tani/Ladang		
Tarikh Penanaman Semusim		
Tarikh Penuaian Semusim		
Kos Barangan	Ringgit Malaysia	Komen
Kos Input		
Benih		
Baja 1		
Baja 2		
Racun Makhluk Perosak		
Racun Herba/Lain-lain		
Input Lain		
Jumlah Kos Input		

Kos Buruh & Lain-lain		
Penyediaan Tapak Semaian, Penanaman/ Ladang		
Persiapan Kawasan Tani/ Ladang		
Pemindahan Tanaman		
Pengairan		
Merumput		
Aplikasi Baja dan Bahan Kimia		
Hasil Tuaian/Tanaman		
Pemrosesan Lepas Tuai/ Pemungutan Hasil Tanaman		
Pembungkusan - kos beg		
Pengangkutan ke pasaran		
Jumlah Kos Buruh & Lain-lain		
Jumlah Kos		
Jumlah Kos per Hektar		

4. Profil Risiko

- a. Apabila hasil tanaman adalah tidak baik, apa yang akan biasanya terjadi pada musim itu? Kemungkinan: berlaku kemarau, ribut, hujan tidak menentu, penyakit, serangan perosak (serangga, kulat, ...), ancaman haiwan perosak yang memakan atau merosakkan tanaman (tikus, dll.), harga pasaran yang tidak menentu, kurang permintaan pasaran, kecurian, hujan batu, banjir,..

1. Risiko paling besar yang menyebabkan hasil tanaman/tuaian yang tidak optimum
 2. Peratus kerugian yang dialami pada musim lalu, tahun-tahun lalu?
 3. Perubahan/ kesan akibat menghasilkan hasil tanaman tidak optimum?
- b. Bagaimana anda menguruskan setiap risiko - contohnya kaedah pengairan ketika kemarau atau penggunaan bahan kimia untuk perosak tertentu?
 - c. Tanpa hasil tanaman/ tuaian, bagaimanakah petani/peladang mendapatkan wang untuk menanggung kos tananam bagi musim berikutnya? Kemungkinan: mengurangkan kekerapan makan setiap hari, lebih bergantung kepada bantuan makanan, mengambil pinjaman, bergantung pada bantuan luar, menghentikan persekolahan anak, menjual ternakan, mendapatkan wang tunai melalui aktiviti bukan pertanian
 - d. Apa yang akan dilakukan oleh petani/peladang jika tanamannya telah diinsuranskan: seperti menggunakan benih lain, lebih banyak menggunakan baja, memilih pembekal lain, tidak lagi mengambil pinjaman, kurangkan kerja bergaji/ mengambil upah untuk kerja sambilan.

5. Akses mendapatkan Kredit

- a. Adakah petani/peladang tersebut pernah mengambil pinjaman untuk bertani/berladang? Atau mengenali sesiapa yang pernah mengambil pinjaman seperti itu?
- b. Adakah desa petani/peladang mempunyai tabungan secara berkumpulan?
- c. Adakah sebarang bank, NGO atau program kerajaan yang menawarkan pinjaman kepada petani/peladang?
- d. Adakah petani/peladang tahu kadar faedah ke atas pinjaman yang mereka ambil? Adakah pinjaman tersebut perlu dibayar balik di sepanjang musim atau hanya selepas musim menuai?
- e. Adakah pemborong atau peniaga agro tempatan menawarkan kredit kepada petani/ peladang? Bagaimanakah sistem kredit ini berfungsi?
- f. Sekiranya petani/ peladang gagal membayar salah satu daripada pinjaman formal ini, apakah implikasi kepada petani/ peladang tersebut?
- g. Sekiranya petani/ peladang ditawarkan pinjaman untuk bertani atau berladang, adakah petani/ peladang tersebut akan menerimanya?

6. Penggunaan Perkhidmatan Telefon Mudah Alih/ Bimbit

- a. Kad SIM dan rangkaian apakah yang sedang digunakan?
- b. Ke kerapannya mengirim SMS/ mesej?
- c. Penggunaan internet melalui telefon atau pembayaran atas talian?

7. Pilihan mengenai Insurans

- a. Adakah terdapat produk insurans yang sedia ada? Adakah ia pernah diperkenalkan sebelum ini? Adakah produknya bagus, adakah syarikat akan memberi/membayar pampasan/ ganti rugi apabila sesuatu terjadi?
- b. Adakah terdapat sebarang syarikat atau jenama insurans yang dipercayai?
- c. Pernahkah anda mendengar tentang program insurans tanaman kerajaan?
- d. Untuk program insurans tanaman, apakah risiko penting yang anda rasa perlu dilindungi?
- e. Apa yang difikirkan merupakan cara terbaik untuk mendapatkan insurans - adakah perkhidmatan atau program semasa yang digunakan oleh kebanyakan petani?

8. Organisasi/Pertubuhan Petani/ Peladang

- a. Organisasi Petani/Peladang - adakah petani/peladang terlibat dalam mana-mana kumpulan petani?
- b. Adakah petani-petani di kawasan ini menyertai sebarang organisasi? Adakah penglibatan secara sukarela atau diwajibkan?
- c. Apakah faedah menyertai organisasi seperti ini?

Cadangan-cadangan lain untuk dipertimbangkan dan dimasukkan dalam Pengembangan Program Insurans Nasional:

1. Ketika membuat penilaian polisi insurans semasa, dicadangkan untuk memasukkan kajian kes mengenai syarat pemberian pinjaman.
2. Sebelum pelancaran program penuh, dokumen panduan mungkin juga ingin menyertakan keperluan undang-undang yang menyokong pelaksanaan program. Program yang akan dilancarkan juga harus berdasarkan hasil kajian kelayakan.

3. Pengembangan klasifikasi risiko dan pengkategorian kadar premium - kerana kadar dan liputan tuntutan sangat bergantung pada jenis risiko.
4. Peruntukan untuk perlindungan wajib bagi tanaman tertentu, dan peluang pilihan untuk petani/peladang dengan pembiayaan sendiri.